



مسجد بانجار ساوجانا پوترا
MASJID BANDAR SAUJANA PUTRA
Jalan SP2, Bandar Saujana Putra,
42610 Jenjarom,
Selangor Darul Ehsan.

Email : masjidbsp@gmail.com
Fb : [Facebook.com/MBSPofficial](https://www.facebook.com/MBSPofficial)
Telegram : <https://t.me/+yvYyCIZ0seUzMjE1>
Tel : 017-304 0405, 012-251 6587 , 012-272 1051

MASJID BANDAR SAUJANA PUTRA BANDAR SAUJANA PUTRA, 42610 JENJAROM, SELANGOR DARUL EHSAN

POLISI BADAN KHAIRAT KEMATIAN DAN KEBAJIKAN MASJID SURAU BANDAR SAUJANAPUTRA (BKKKMSBSP)2025/2026.

Polisi dan peraturan-peraturan Badan Khairat Kematian dan Kebajikan Masjid Surau Bandar Saujana Putra, 42610 Jenjarom , Selangor.

Terma dan syarat yang terkandung dalam dokumen ini akan diguna pakai sebagai polisi Badan Khairat Kematian dan Kebajikan Masjid serta Surau-Surau BSP dan perlu dibaca bersama syarat keahlian yang terkandung di dalam borang pendaftaran BKKKMSBSP.

FASAL 1 : PENAUNG.

- 1.1 Badan Khairat Kematian dan Kebajikan Masjid Surau adalah di bawah pengawasan dan nasihat Nazir Masjid BSP.

FASAL 2 : PEMEGANG AMANAH (PENGENDALI DANA) **

- 2.1 Pemegang Amanah Tabung Khairat Masjid dan Surau BSP akan bertindak sebagai pengendali Dana Khairat BKKKMSBSP adalah terdiri daripada :

1. NAZIR MASJID BSP (PENASIHAT)
2. TIMBALAN NAZIR MASJID BSP.
3. SETIAUSAHA MASJID BSP
4. Pengerusi BKKKMSBSP
5. SETIAUSAHA BKKKMSBSP
6. BENDAHARI BKKKMSBSP

FASAL 3 : OBJEKTIF PENUBUHAN.

- 3.1 Badan ini menggariskan EMPAT (4) objektif penubuhannya iaitu :

1. Melaksanakan tuntutan fardhu kifayah kepada seluruh ahli qaryah Bandar Saujana Putradan Bandar Rimbau.
2. Mewujudkan satu organisasi badan Khairat yang tersusun, cekap dan berintegriti.
3. Menjadikan Masjid BSP sebagai pusat pembudayaan kerja-kerja kebajikan dan perkhidmatan kepada masyarakat sekitar.
4. Membantu meringankan bebanan waris dengan konsep Takaful serta taawun dan pengurusan jenazah yang lebih efisien.

“Hablumminallah, Hablumminannas”

FASAL 4 : SYARAT KEAHLIAN

- 4.1 Warganegara Malaysia.
- 4.2 Terbuka kepada orang Islam yang bermastautin di dalam qaryah Masjid dan Surau-Surau sekitar Bandar Saujana Putra dan Bandar Rimbayu.
- 4.3 Seorang ahli dimestikan membayar yuran penyertaan dan pembaharuan setiap tahun mengikut tempoh yang akan ditetapkan yang kebiasaannya bermula bulan Disember hingga Jun.
- 4.4 Pengumuman akan dibuat melalui sosial media dan *banner* untuk makluman seluruh ahli qaryah.
- 4.5 Keahlian berkuatkuasa apabila borang pendaftaran (MANUAL) Badan Khairat Bandar Saujana Putra diterima dengan bayaran serta dicop secara rasmi pada slip keratan oleh mana-mana AJKutama BKKKMSBSP. Mohon peserta simpan keratan tersebut untuk bukti semakan keahlian anda.
- 4.6 Kaedah pendaftaran dan bayaran secara ONLINE @ atas talian yang dibuat sendiri oleh ahli telahpun dilaksanakan dan akan terus digunakan pada masa akan datang.
- 4.7 Jika nama AHLI tiada dalam senarai semakan maka mohon para AHLI yang terlibat kemukakan bukti slip keratan bayaran kepada Unit Pentadbiran dan Data AHLI.
- 4.8 Pihak BKKKMSBSP juga menyediakan kemudahan Laman Rasmi atas talian (online) bagi tujuan pendaftaran secara atas talian (on-line) di laman [sesawang \(webpage\): https://www.ekhairatbsp.com](https://www.ekhairatbsp.com)
- 4.9 Semua sumbangan pada BKKKMSBSP adalah menggunakan **AFFIN ISLAMIC BANK BERHAD** -atas nama "Badan Khairat Kematian & Kebajikan Masjid Surau BSP"
Nombor Akaun : 1069 5000 4746
- 4.10 SATU keahlian akan mewakili SATU keluarga di bawah tanggungannya iaitu :-
 1. Ahli (Penama)
 2. Pasangan (Suami/Isteri Pertama sahaja.)
 3. Anak-anak yang masih belajar dan belum berkahwin sehingga umur 23 tahun sahaja.
- 4.11 Ibu bapa, ibu bapa mertua serta ahli keluarga (adik beradik) yang tinggal sekali dan anak-anak yang melebihi umur 24 tahun ke atas hendaklah didaftarkan secara berasingan.
- 4.12 Begitu juga keadaan suami yang berpoligami, maka isteri ke-2, 3 & 4 didaftar secara berasingan dan hanya dilindungi bersama dengan anak-anaknya sahaja.
- 4.13 Bagi ahli yang berpindah masih kekal sebagai ahli khairat BKKKMSBSP sehinggalah tamat tempoh keahlian setahun.

FASAL 5 : MANFAAT KEPADA AHLI ATAU WARIS.

- 5.1 Bantuan pengurusan jenazah akan dilakukan oleh Badan Khairat Kematian dan Kebajikan Masjid Surau Bandar Saujana Putra apabila berlaku kematian kepada ahli dan tanggungannya.
- 5.2 Manfaat penuh kepada AHLI (penama utama), pasangan dan anak-anak tanggungan. Pihak BKKKMSBSP akan menanggung sepenuhnya kos pengurusan dan perkhidmatan yang dianggarkan bernilai RM1,500.00 meliputi :
 1. Set keperluan mandian, kelengkapan dan pengurusan jenazah.
 2. Kelengkapan dan penyelenggaraan pengkebumian jenazah.
 3. Pengangkutan ke Tanah Perkuburan sekitar Lembah Klang. Untuk perkuburan qaryah BSP dan Bandar Rimbayu akan dirujuk ke Tanah Perkuburan Raudhatussalam BSP atau USJ22 MPSJ, Selangor.

"Hablumminallah, Hablumminannas"

4. Jika urusan penghantaran jenazah yang melibatkan luar dari Lembah Klang @ Selangor maka kadar perjalanan akan dikira sebanyak RM2.00/km untuk kadar pergi balik (siang).
 5. Saguhati untuk pengurusan jenazah (mandi dan kapan), pemandu Van, imam solat, talqin dan tahlil.
- 5.3 Manfaat ahli yang berdaftar adalah seperti berikut:
1. *AHLI (PENAMA UTAMA) - RM2,000.00
 2. *PASANGAN SUAMI/ISTERI PERTAMA - RM2,000.00
 3. KANAK-KANAK & REMAJA UMUR (3 TAHUN SEHINGGA 23 TAHUN) - RM1,500.00
 4. BAYI/KANAK-KANAK UMUR (1 HARI SEHINGGA 2 TAHUN) - RM500.00
- 5.4 **Manfaat Tambahan Baru:** Kebajikan Ehsan Ahli sekiranya ditimpa musibah kemalangan dan penyakit kritikal akan dinilai tahapnya oleh Lembaga Pemegang Amanah, sumbangan maksimum adalah tidak melebihi RM1,000.00.
- 5.5 Manfaat tambahan kepada ahli yang berdaftar, tiada kos pengurusan dan perkhidmatan dikenakan dan akan menerima manfaat penuh yang akan dikreditkan ke akaun waris penerima.
- 5.6 Untuk bukan ahli BKKK, kos pengurusan dan perkhidmatan akan ditanggung oleh pihak BKKK dengan syarat pengkebumian mesti dibuat di tanah perkuburan BSP@USJ 22 shj. Pihak Waris dimestikan **membayar kos lot tanah kubur sebanyak RM400.00.**
- 5.7 Sekiranya melibatkan penghantaran keluar kawasan@luar Selangor maka kos penghantaran akan ditanggung oleh pihak waris.

FASAL 6 : WARIS DAN PENAMA

- 6.1 Ahli hendaklah mengisi borang daftar waris untuk menentukan individu yang berhak menuntut manfaat khairat apabila ahli meninggal dunia.
- 6.2 Mohon ahli pastikan meletakkan nama WARIS TERDEKAT untuk dihubungi sekiranya berlaku kecemasan dan sebagai rujukan untuk pihak BKKKMSBSP.

FASAL 7 : SEMAKAN, PINDAAN DAN UBAH SUIAN.


- 7.1 Lembaga Pemegang Amanah (PENGENDALI DANA) BKKKMSBSP adalah dengan ini berhak untuk meminda sebarang terma dan syarat yang terkandung di dalam dokumen ini dengan niat untuk menyeliaikan kelancaran pengurusan, perkhidmatan dan manfaat BKKKMSBSP.
- 7.2 Apa-apa semakan, pindaan atau ubahsuaian yang dipersetujui oleh Lembaga Pemegang Amanah hendaklah secara bertulis dan menjadi sebahagian daripada dokumen polisi ini.
- 7.3 Suatu semakan, pindaan atau ubahsuaian yang telah dipersetujui oleh Lembaga Pemegang Amanah akan mula berkuatkuasa serta merta mengikut tarikh surat yang dikeluarkan.

Sekian, terima kasih.

UNTUK PAPARAN DAN RUJUKAN


“Hablumminallah, Hablumminannas”

Dipersetujui oleh,



.....
**SADLE BIN MAKPON
NAZIR
MASJID BANDAR SAUJANA PUTRA**


Tarikh : 13 / 12 / 2024.



.....
**ABD SAMAD BIN SHAFIE
PENERUS
BADAN KHAIRAT KEMATIAN DAN KEBAJIKAN,
MASJID BANDAR SAUJANA PUTRA**

Tarikh : 13 / 12 / 2024

Disaksikan oleh,



.....
**MOHAMED ASWAN BIN MAT ADINI
TIMBALAN NAZIR
MASJID BSP**

Tarikh : 13 / 12 / 2024



.....
**ZAHARI BIN ABDUL
SETIAUSAHA
BKKK MASJID SURAU BSP**

Tarikh : 14 / 12 / 2024



.....
**EZZULCAFI BIN ABD GHAFAR
BENDAHARI
BKKK MASJID SURAU BSP**

Tarikh : 14 / 12 / 2024

Disediakan oleh Ust Samad Shafie

“Hablumminallah, Hablumminannas”